

PANDUAN PELANTIKAN JURUAUDIT DI BAWAH SEKSYEN 9, AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN & PELESENAN) 1966 (AKTA 118)

<u>Bil.</u>	<u>Perkara</u>	<u>Keterangan</u>
1.	Syarat	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemaju perumahan hendaklah setiap tahun melantik juruaudit yang diluluskan oleh menteri sehingga tamat tempoh liabiliti kecacatan. ▪ Juruaudit yang dilantik tidak boleh ada kepentingan dengan pengarah, pegawai, ejen pemaju perumahan. ▪ Jika ada pertukaran juruaudit disebabkan letak jawatan/ mati pemaju hendaklah membuat pelantikan semula. ▪ Selepas diluluskan pelantikan juruaudit pemaju hendaklah menyelesaikan Laporan 7(e) dalam tempoh masa (6) bulan ▪ Setiap juruaudit hendaklah mengemukakan laporan kepada Pengawal Perumahan kira-kira tahunan dan akaun untung rugi pemaju - Laporan 7(e).
2.	Cara Permohonan.	<p>Secara talian/ online di laman web ehome.kpkt.gov.my ePemaju</p> <p>Mulai 1 September 2016 semua pelantikan juruaudit hendaklah dikemukakan secara online</p> <p>(Pemaju TIDAK PERLU menghantar permohonan secara manual. Permohonan manual HANYA DIBENARKAN sekiranya terdapat masalah dengan permohonan atas talian).</p>
Dokumen Sokongan		
3.1	L1 - Surat Permohonan Daripada Pemaju Melantik Juruaudit	Dicetak di atas kepala surat Syarikat Pemaju Perumahan, pengesahan pelantikan juruaudit yang akan mengaudit syarikat pemaju perumahan.
3.2	Borang 4 – Pembaharuan Kelulusan Juruaudit	Tarikh kelulusan juruaudit perlu sah tempoh
3.3	Sijil Kelayakan Juruaudit/ Chartered Accountant Yang Diiktiraf	
3.4	L2 - Surat Pengesahan Juruaudit	Dicetak di atas kepala surat Syarikat Juruaudit, pengesahan dari juruaudit yang akan mengaudit syarikat pemaju perumahan.
4.	Tempoh Proses Permohonan	Pastikan maklumat yang diberi adalah benar, tepat dan lengkap. Tempoh proses permohonan yang lengkap diterima adalah <u>30 HARI BEKERJA</u> tidak termasuk cuti umum.
5.	Alamat / No. telefon untuk dihubungi	<p>Jabatan Perumahan Negara, Bahagian Pelesenan Pemajuan Perumahan, Aras 31, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 PUTRAJAYA.</p> <p>Tel:03-88914132 / Faks:03-88913185 Emel: pelesenan_jpn@kpkt.gov.my</p>

(Kepala Surat Syarikat Pemaju)

Tarikh:

Ruj. Kami:

Ruj. Tuan: (No. Kod Pemaju)

Pengawal Perumahan

Jabatan Perumahan Negara

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Aras 31, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4

62100 PUTRAJAYA

Tuan,

**AKTA PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN & PELESENAN) 1966 (AKTA 118) DI BAWAH
SEKSYEN 9 – PELANTIKAN JURUAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA**

.....

Kami adalah suatu syarikat pemaju perumahan (*Nama Pemaju*)..... yang memegang no. lesen (*No. Lesen, Fasa & Tarikh*).....

2. Menurut seksyen 9(1) akta tersebut, setiap pemaju perumahan yang berlesen adalah dikehendaki melantik seorang yang disahkan oleh Y.B. Menteri untuk menjadi juruauditnya.

3. Untuk memenuhi kehendak seksyen ini, maka dengan ini kami memohon supaya Y.B. menteri sudi melantik tetuan dari syarikat berikut untuk dilantik sebagai juruaudit bagi syarikat kami

..... (*Nama Juruaudit & Alamat Syarikat Juruaudit*).....

.....

.....

4. Bersama-sama ini disertakan maklumat yang hendak dilantik seperti berikut:-

(a) Kelayakan ijazah-ijazah yang diiktiraf; dan

(b) Pengesahan sebagai juruaudit syarikat di bawah seksyen 8(5), Syarikat 1965 atau juruaudit koperasi di bawah seksyen 60, Akta Koperasi 1993.

Yang benar

.....

(Tandatangan & Cop Rasmi Pengarah)

(Kepala Surat Syarikat Juruaudit)

Tarikh:

Ruj. Kami:

Ruj. Tuan: (No. Kod Pemaju)

Pengawal Perumahan
Jabatan Perumahan Negara
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 31, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA

Tuan,

PENGESAHAN PELANTIKAN JURUAUDIT SYARIKAT PEMAJU PERUMAHAN

.....(NAMA PEMAJU)..... (NO. KOD PEMAJU:)

Adalah saya, No. Kad Pengenalan
adalah dari firma juruaudit no. kelulusan
juruaudit juruaudit yang akan mengaudit akaun syarikat pemaju
perumahan(Nama Pemaju)....., yang memegang no. lesen(No.....Lesen,
Fasa & Tarikh)..... selaras dengan kehendak Seksyen 9(1) Akta Pemajuan
Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966.

Yang benar

.....

(Tandatangan & Cop Rasmi)